



[RESEARCH](#)

Profesor Madya Dr. Ramadhansyah Putra Jaya hasilkan konkrit berliang yang boleh digunakan dalam masa 24 jam

28 December 2022


PEKAN, 28 Disember 2022 – Secara umumnya, konkrit berliang sedia ada tidak dapat di gunakan segera selepas pembinaan.

Menyedari kekurangan itu, pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA) UMP, Profesor Madya Dr. Ramadhansyah Putra Jaya, 42 telah menghasilkan *High Early Strength Pervious Concrete (HES-PC)*.

Penyelidikan ini turut mendapat kerjasama pensyarah FTKA, Ts. Dr. Rokiah Othman, pelajar UMP, Nurul Elyeena Rostam, Pengarah Urusan Zacklim Flat Floor Specialist Sdn. Bhd., Dr. Zack Lim Eng Hock, dan pensyarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Profesor Madya. Ts. Dr. Mohd Haziman Wan Ibrahim.


Menurut Profesor Madya Dr. Ramadhansyah, HES-PC merupakan konkrit berliang yang mengandungi simen, abu terbang (*fly ash*) and larutan Al_2SiO_5 dan boleh digunakan bagi laluan kenderaan dalam masa 24 jam selepas pembinaan.


HIGH EARLY STRENGTH PERVIOUS CONCRETE (HES-PC)



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG


INVENTOR: ASSOC. PROF DR. RAMADHANSYAH PUTRA JAYA
 FACULTY: COLLEGE OF ENGINEERING
 UNIVERSITY: UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
 EMAIL: ramadhansyah@ump.edu.my
 CO-INVENTORS: NURUL ELYEENA ROSTAM, DR. ROMIAH OTHMAN,
 DR. ZACK LIM ENG HOCK, ASSOC. PROF DR. MOHD HAZIMAN WAN
 IBRAHIM






Patent
 P/2021007111 filed 26/11/2021


1 Background



2 State of the Art



3 Product Image & Characteristics



TRL 6


4 Potential Benefits

- Environment friendly - Consists of industrial by product (up to 60%).
- DIY and Easy to use - Pre Bag
- Reduce water ponding and increase skip resistance on the road surface


5 Novelty

- 1st PC concrete that available in Pre Bag.
- Provide high early strength and allowed the traffic to open in 24hrs

6 Potential Market



7 Market Survey




8 CBA Analysis

No	Parameters	Unit	Initial
1	Estimate Benefits when HES-PC	RM	8,000.00
2	Cost of construction using HES-PC	RM	1,500.00
3	Inflation rate	%	2.5%
4	Discount rate	%	10.0%
5	Maintenance (Once in 5 years)	year	1.0

• This calculation based on 1m² with 50mm thickness.
 • Cost estimation= RM1,500.00 This include material, workmanship and machinery.
 • Benefit HES-PC time saving since it allow the road to be in operation with 12hrs.

9 Way Forward




10 Achievement & Publication

• GOLD CITREX 2021
 • Pervious concrete : the art of improving strength properties (Earth and Environmental Science, Vol. 862 (1), 2022).

11 Collaboration

- Provide consultancy – Expert in concrete pavement do have experience working with JKR, SMART, CIQ-JB and LATAR
- Provide skills workers and machines for sample mock-up using HES-PC.

In Collaboration with:  www.ump.edu.my

“Konkrit berliang adalah jenis khas konkrit yang membolehkan air dari hujan atau sumber lain untuk dilalui secara langsung.

“Abu terbang sebagai bahan pengganti dalam campuran konkrit konvensional telah banyak dikaji di seluruh dunia.

“Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan kajian terhadap bahan gantikan lain dalam campuran turapan konkrit berliang telap air yang dapat menghasilkan kekuatan tinggi dan dibenarkan bagi laluan kenderaan selepas 24 jam pembinaan,” ujarnya.

Jelas beliau lagi, secara amnya, penyelidikan ini bertujuan untuk menilai sifat kejuruteraan dan prestasi turapan konkrit berliang yang mengandungi simen, abu terbang dan larutan Al_2SiO_5 .

“Penyelidikan ini bermula pada bulan September 2020 dan siap sepenuhnya pada Oktober 2021.



“Komponen A adalah terdiri daripada simen, 50 peratus abu terbang dan agregat kasar, manakala komponen B terdiri daripada larutan Al_2SiO_5 .

“Kedua-dua dicampurkan ke dalam pengadun konkrit dan dibiarkan selama tiga minit,” katanya.

Menurut beliau lagi, pencampuran menyeluruh sangat penting bagi mendapatkan adunan yang lengkap bagi memastikan campuran konkrit adalah homogen.

“Kemudian, konkrit dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan dan akan diratakan.

“HES-PC yang dihasilkan adalah lebih mesra alam, tahan lama dan mengurangkan takungan air di atas permukaan jalan.

“Diharapkan dengan penggunaan bahan tambahan iaitu abu terbang and larutan Al_2SiO_5 , HES-PC dapat diperluaskan dalam pembinaan lain selain tempat meletak kenderaan seperti jalan-jalan di dalam kediaman, laluan pejalan kaki, dan rumah hijau,” ujar pensyarah yang berasal dari Banda Aceh, Indonesia tentang cara bagaimana menghasilkan HES-PC.

Projek ini mendapat kerjasama daripada syarikat Zacklim Flat Floor Specialist Sdn. Bhd. sebagai pengeluar bahan binaan.

Manakala kerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), SMART, CIQ-JB dan LATAR sedang giat dilaksanakan.

Sebelum ini, beliau pernah menghasilkan *Porous Concrete Pavement* yang dapat mengurangkan bencana banjir.

Penyelidikan ini pernah meraih pingat emas dalam Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (CITREX) 2021.

Pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2021 penyelidikan ini turut meraih pingat emas.

TAGS / KEYWORDS

[konkrit berliang](#)